

15 pelajar UPMKB terjejas banjir di sekitar Bintulu terima bantuan

BINTULU: Seramai 15 pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) yang terjejas akibat banjir di sekitar Bintulu telah menerima bantuan awal kecemasan daripada UPMKB semalam.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB Mohamad Syukri Mohamad Adnan.

Turut serta dalam program penyampaian sumbangan itu ialah sembilan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPMKB, Putra President Union serta kakitangan Pejabat Pengurusan Pelajar.

Mohamad Syukri berkata, bantuan awal kecemasan itu bertujuan untuk meringankan beban para pelajar yang terjejas akibat banjir.

Katanya, inisiatif itu bukan sahaja memberi sokongan material tetapi juga membuktikan komitmen UPMKB dalam membantu pelajar menghadapi krisis.

“Kami ingin memastikan pelajar-pelajar ini tidak berasa terpinggir dan tahu bahawa universiti ini sentiasa di sisi mereka,” ujarnya dalam kenyataan media di sini

semalam.

Bantuan yang disalurkan terdiri daripada bekalan makanan asas termasuk sumbangan wang tunai kepada pelajar yang terjejas.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) Sarah Hannani Ahmad Fikri yang turut hadir dalam program tersebut berkata, inisiatif itu sebagai langkah terbaik yang diambil oleh UPMKB untuk membantu pelajar yang terjejas.

“Kami sangat bersimpati dengan keadaan pelajar yang dilanda banjir. Bantuan ini adalah bukti bahawa UPMKB sentiasa prihatin dan sedia membantu pelajar dalam apa jua keadaan,” katanya.

Salah seorang penerima bantuan yang merupakan mangsa terjejas akibat banjir, Hud Aqeel Abdullah melahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diterimanya.

Dia berkata, bantuan ini sangat bermakna dan tepat pada masanya untuk membantu keluarga saya menampung keperluan asas semasa kami menghadapi kesulitan

akibat banjir.

“Saya amat berterima kasih kepada UPMKB dan semua pihak yang terlibat membantu kami,” ujarnya.

Jurucakap UPMKB berkata, kerjasama erat antara pihak pentadbiran dan badan pelajar ini menunjukkan kesungguhan UPMKB dalam menyantuni pelajar yang memerlukan dan sumbangan bantuan tersebut merupakan tanda sokongan dan keprihatinan pihak universiti terhadap nasib pelajar yang dilanda musibah.

Katanya, banjir yang melanda kawasan sekitar Bintulu baru-baru ini telah menyebabkan ramai penduduk termasuk pelajar UPMKB menghadapi kesulitan.

Ujarnya, kejadian ini bukan sahaja mengganggu kehidupan seharian tetapi juga menjejaskan kesejahteraan mental dan emosi pelajar.

Justeru katanya, dengan pemberian bantuan ini, diharapkan para pelajar yang terjejas dapat melalui masa sukar ini dengan lebih tenang dan fokus untuk meneruskan pengajian mereka.



BANTU: Mohamad Syukri (dua kanan) menyerahkan sumbangan kepada pelajar UPMKB yang juga mangsa banjir.